

AGENDA 7.2: PENILAIAN RISIKO PENGURUSAN MAKLUMAT (ISMS)**1. TUJUAN**

Kertas ini adalah bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan ketetapan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan ISO Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan hasil penilaian risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) di UPM bagi tahun 2017.

2. LATARBELAKANG

Penilaian risiko dilaksanakan dengan tujuan untuk menilai tahap risiko aset yang terlibat dalam proses melibatkan skop ISMS supaya pendekatan dan keputusan yang paling berkesan dikenalpasti bagi menyediakan perlindungan dan kawalan ke atas risiko aset berkenaan, berasaskan metodologi Penilaian Risiko Terperinci MyRAM (*Malaysian Public Sector ICT Risk Assessment Methodology*). Pengemaskinian MyRAM dilaksanakan apabila berlaku perubahan atau penambahan aset di dalam skop ISMS yang terlibat. Aset dinilai samada rendah (low), sederhana (medium) atau tinggi (high) berdasarkan ciri utama keselamatan iaitu kerahsiaan (confidentiality), integriti (integrity) dan ketersediaan (availability).

3. LAPORAN

Perincian laporan hasil penilaian risiko pengurusan keselamatan maklumat yang dijalankan pada April 2017 adalah seperti pada **Lampiran 1**.

4. SYOR

Ahli MKSP UPM dimohon:

- (a) mengambil maklum hasil penilaian risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) tahun 2017; dan
- (b) mengambil perhatian berhubung bilangan tahap risiko dan punca dominan yang dikenalpasti dalam penilaian risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.

Lampiran 1**LAPORAN HASIL PENILAIAN RISIKO PENGURUSAN MAKLUMAT (ISMS) TAHUN 2017**

| BIL | NAMA PROSES | BIL.ASET | BIL. ANCAMAN | BIL.TAHAP RISIKO | | | Punca Dominan |
|---------------------------|--|------------|--------------|------------------|------------|----------|--|
| | | | | L | M | H | |
| 1. | Proses Muatnaik Data Tawaran Pelajar UPU Bahagian Kemasukan Akademik | 4 | 4 | 1 | 3 | 0 | Kebarangkalian data digodam dan data dimanipulasi. |
| 2. | Pengesahan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah di Kolej Kediaman | 394 | 428 | 428 | 0 | 0 | |
| 3. | Pengesahan Laporan Pemeriksaan Kesihatan Pelajar Baharu Prasiswazah | 42 | 72 | 72 | 0 | 0 | |
| 4. | Pembayaran Yuran Pelajar Baharu Prasiswazah | 22 | 29 | 4 | 25 | 0 | Masih terdapat pengendalian yuran secara tunai. |
| 5. | Kad Pelajar Baharu Prasiswazah | 11 | 19 | 19 | 0 | 0 | |
| 6. | Sistem Sokongan (Pusat Data) | 198 | 290 | 117 | 173 | 0 | 1. Bangunan lama berusia melebihi 50 tahun dan kedudukan Pusat Data di aras G. 2. Peralatan sokongan berusia melebihi 5 tahun (rangkaian, keselamatan, <i>server</i> dan DB). |
| 7. | Sistem Sokongan (Rangkaian) | 33 | 50 | 40 | 10 | 0 | |
| 8. | Sistem Sokongan (Keselamatan) | 14 | 24 | 22 | 2 | 0 | |
| 9. | Sistem Pangkalan Data | 20 | 60 | 12 | 48 | 0 | |
| 10. | Sistem Aplikasi Maklumat Pelajar Prasiswazah | 35 | 225 | 225 | 0 | 0 | |
| 11. | Sistem Aplikasi Kewangan | 11 | 49 | 14 | 35 | 0 | Penyelenggaraan <i>server</i> kewangan dibuat secara dalaman sahaja dimana perolehan alat ganti tidak dapat dilaksanakan segera. |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 784 | 1250 | 954 | 296 | 0 | |